

<p><b>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</b></p> <p>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Jaminan Bank. Pastikan anda juga membaca terma dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p><b>JAMINAN BANK</b></p> <p>Tarikh:</p>
<p><b>1. Apakah produk ini?</b></p>	
<p>Jaminan Bank (Bank Guarantee atau BG) ialah surat aku janji bertulis oleh Bank, yang dikeluarkan atas permintaan dan untuk akaun Pemohon (Pelanggan), di mana Bank menjamin pembayaran kepada Penerima yang dinamakan sehingga jumlah yang dijamin seperti yang dinyatakan dalam Jaminan sekiranya permintaan bertulis yang sah diterima oleh Bank.</p>	
<p><b>2. Apakah jenis jaminan yang biasanya dikeluarkan oleh Bank?</b></p>	
<p>Bank menawarkan 2 jenis Jaminan, secara ringkas seperti di bawah:</p> <p>(a) <u>Jaminan Prestasi</u> Dikeluarkan bagi menyokong penunaian kewajipan berkontrak Pelanggan selaras dengan terma dan syarat yang mendasari kontrak atau perjanjian tersebut.</p> <p>(b) <u>Jaminan Kewangan</u> Dikeluarkan bagi menyokong aku janji Pelanggan untuk menjamin pembayaran balik hutang atau liabiliti.</p>	
<p><b>3. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Bank bertindak sebagai Penjamin untuk Pelanggan. Jaminan biasanya dikeluarkan dalam format standard Bank, memihak kepada Penerima yang dinamakan, untuk tempoh dan jumlah yang tertentu serta menetapkan aku janji untuk menunaikan permintaan bertulis yang sah apabila diterima, tanpa memerlukan atau mengenakan apa-apa syarat atau terma untuk dipenuhi terlebih dahulu.</li> <li>Jaminan biasanya dikeluarkan tertakluk kepada undang-undang Malaysia atau jika diminta, Peraturan Seragam untuk Jaminan Permintaan, Terbitan 758 (URDG 758).</li> </ul>	
<p><b>4. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Anda perlu mempunyai Kemudahan BG yang diluluskan dengan Bank dan permohonan mesti dilakukan dalam Borang Permohonan standard Bank serta Surat Indemniti yang dilengkapkan dan ditandatangani oleh penandatanganan yang dibenarkan anda.</li> <li>Setiap permohonan perlu disertakan dengan salinan format Jaminan dan/atau kontrak/perjanjian, jika ada.</li> </ul>	
<p><b>5. Apakah tanggungjawab saya?</b></p>	
<p>Anda perlu membayar dengan serta merta apabila dimaklumkan oleh Bank, berikutan penyampaian permintaan bertulis yang sah terhadap Jaminan tersebut oleh Penerima yang dinamakan.</p>	
<p><b>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</b></p>	
<ul style="list-style-type: none"> <li>Faedah ingkar 3.5% setahun atas Kadar Pinjaman Asas Bank akan dikenakan ke atas jumlah sedemikian yang dibayar oleh Bank menurut Jaminan yang dikeluarkan oleh Bank.</li> <li>Bank berhak untuk menolak selesai apa-apa baki kredit dalam akaun anda terhadap sebarang baki tertunggak berikutan pemberian notis 7 hari terlebih dahulu kepada anda.</li> <li>Bank boleh menguatkuasakan haknya dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang.</li> <li>Kemudahan BG anda serta apa-apa kemudahan lain dengan Bank boleh ditarik balik.</li> <li>Bank berhak untuk membatalkan Kemudahan BG dan untuk meminta anda menyelesaikan Kemudahan BG dengan sepenuhnya jika anda, rakan kongsi atau peminjam bersama anda meninggal dunia (untuk pemilikan tunggal dan perkongsian).</li> </ul>	

<p><b>7. Apakah risiko-risiko utama?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jaminan yang dikeluarkan tanpa tarikh tamat yang ditetapkan dan/atau jumlah boleh ditentukan akan memerlukan surat pelepasan bertulis daripada Penerima dan pemulangan Jaminan asal sebelum ia dibatalkan.</li> <li>Bayaran kepada Penerima BG adalah pada penyerahan permintaan bertulis yang sah terhadap Jaminan tersebut. Bank tidak diwajibkan untuk menentusahkan dan/atau mengesahkan sama ada peristiwa keingkaran telah berlaku ke atas tujuan asas Jaminan tersebut.</li> </ul>													
<p><b>8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?</b></p> <table border="1"> <tr> <td>Fi Pengeluaran</td> <td>Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk sebarang tempoh tuntutan dengan minimum RM100.00</td> </tr> <tr> <td>Fi Pindaan termasuk jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan</td> <td>Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk kesahan yang dilanjutkan dan/atau jumlah yang meningkat dengan minimum RM100.00</td> </tr> <tr> <td>Fi Pengeluaran Semula dan Pindaan Lain</td> <td>RM100.00</td> </tr> <tr> <td>Fi Tiada Pembatalan (3 bulan selepas tarikh tamat atau tarikh akhir tuntutan)</td> <td>Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya</td> </tr> <tr> <td>Duti Setem</td> <td>Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)</td> </tr> <tr> <td>Caj Lain</td> <td>Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk butiran lanjut</td> </tr> </table> <p>Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlaknya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.</p>		Fi Pengeluaran	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk sebarang tempoh tuntutan dengan minimum RM100.00	Fi Pindaan termasuk jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk kesahan yang dilanjutkan dan/atau jumlah yang meningkat dengan minimum RM100.00	Fi Pengeluaran Semula dan Pindaan Lain	RM100.00	Fi Tiada Pembatalan (3 bulan selepas tarikh tamat atau tarikh akhir tuntutan)	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya	Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)	Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk butiran lanjut
Fi Pengeluaran	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk sebarang tempoh tuntutan dengan minimum RM100.00												
Fi Pindaan termasuk jumlah yang meningkat dan/atau kesahan yang dilanjutkan	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya, termasuk kesahan yang dilanjutkan dan/atau jumlah yang meningkat dengan minimum RM100.00												
Fi Pengeluaran Semula dan Pindaan Lain	RM100.00												
Fi Tiada Pembatalan (3 bulan selepas tarikh tamat atau tarikh akhir tuntutan)	Dari 0.1% sebulan atau sebahagian daripadanya												
Duti Setem	Seperti Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)												
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk butiran lanjut												
<p><b>9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?</b></p> <p>Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.</p>													
<p><b>10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di <a href="mailto:uobcustomerservice@uob.com.my">uobcustomerservice@uob.com.my</a> atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121</li> <li>Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke <a href="mailto:enquiry@akpk.org.my">enquiry@akpk.org.my</a>).</li> <li>Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di <a href="mailto:uobcustomerservice@uob.com.my">uobcustomerservice@uob.com.my</a> atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.</li> <li>Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke <a href="mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my">bnmtelelink@bnm.gov.my</a>).</li> </ul>													
<p><b>11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai produk ini?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke <a href="mailto:businessbanking.servicecentre@uob.com.my">businessbanking.servicecentre@uob.com.my</a> atau log masuk ke <a href="http://www1.uob.com.my">www1.uob.com.my</a> untuk maklumat lanjut.</li> <li>Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820.</li> </ul>													



Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

**Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)**

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

-----  
Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat  
Tarikh: